

**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB MENTERI  
KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

**SEMPENA**

**LAWATAN KERJA YB MENTERI KKLW  
KE KAMPUNG ASAJAYA ULU, ASAJAYA**

**16 APRIL 2016, SABTU**

**WAKTU KETIBAAN : 4.00 PETANG**

Yang Berusaha Tuan/Puan Pengerusi Majlis

Y. Bhg. Dato'-Dato', Datin-Datin

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian.

Assalamualaikum w.b.t

Salam sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa,

1. Pertama sekali, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana kita dapat berhimpun bersama-sama dan hadir di **Majlis Bersama Rakyat di bawah Program Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** yang penuh makna ini khususnya bagi penduduk Kampung Asajaya Ulu ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Kerajaan kita pada hari ini, melalui kerjasama erat Kerajaan Negeri Sarawak sangat prihatin terhadap keperluan asas rakyat. Keprihatinan ini bukan hanya dizahirkan melalui ucapan, tetapi ianya diterjemahkan melalui komitmen dan juga bantuan seperti penyediaan pelbagai kemudahan asas, iaitu bekalan air bersih, bekalan elektrik, kemudahan jalan raya dan juga rumah kediaman yang selamat dan selesa. Dengan usaha dan hasrat ini juga, Kerajaan menerusi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah telah membelanjakan sebanyak RM382,523,920.00 untuk penyediaan rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR) bagi tempoh Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe10) untuk negeri Sarawak. Peruntukan ini adalah dengan pembinaan sebanyak 4,745 unit Bina Baru dan 15,388 unit Baik Pulih rumah menjadikan keseluruhannya sebanyak 20,133 unit PBR.

3. Menerusi Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMKe11) juga, Kerajaan pimpinan YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dalam ucapannya pada 21 Mei 2015 yang lalu telah meneruskan kesinambungan kesejahteraan rakyat melalui 6 teras utama. Daripada keenam-enam teras tersebut, **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terlibat secara langsung dengan 5 teras** iaitu:

Teras Pertama :

1) **MEMPERKUKUH INKLUSIVITI KE ARAH MASYARAKAT YANG SAKSAMA**, matlamat pertumbuhan wilayah yang seimbang. Ini bertepatan sekali dengan hasrat Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk membawa kemajuan dan “Membandarkan Luar Bandar”. Kita akan mentransformasikan kawasan luar bandar dengan pewujudan peluang pekerjaan dan perniagaan, menambah baik hubungan antara luar bandar dengan bandar, meningkatkan akses kepada perkhidmatan asas Kerajaan dan memperluas khidmat kewangan. Pemesatan pelaburan di lima koridor ekonomi wilayah akan memastikan pendapatan yang lebih tinggi bagi masyarakat tempatan. Di samping itu, Program Transformasi Ekonomi Sempadan menyasarkan Pembangunan.

Teras Kedua :

2) **MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, dengan penyediaan sebuah rumah untuk setiap isi rumah. Kerajaan mensasarkan sebanyak 606,000 unit rumah akan dibina untuk isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Skim pembiayaan perumahan mampu milik akan dipertingkatkan, seperti Rumah Pertamaku, Skim Perumahan Belia dan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta, serta program rumah transit untuk belia bujang dan pasangan muda yang berkahwin. Sasaran PBR untuk tempoh RMKe11 pula akan meningkat dua kali ganda khusus untuk negeri Sarawak, iaitu sebanyak 44,340 unit

PBR akan dilaksanakan dengan jangkaan peruntukan sebanyak RM715,500,000.00. Ini jelas menunjukkan bawah Kerajaan yang ada pada hari ini, yang dipimpin di bawah Kerajaan Barisan Nasional sangat prihatin dan mendahulukan kebajikan rakyat Malaysia.

Teras Ketiga :

- 3) **MENINGKATKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN UNTUK NEGARA MAJU**, dengan pembangunan modal insan yang menumpukan kepada pembelajaran sejak lahir hingga ke akhir hayat akan meningkatkan produktiviti, menghasilkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan mencipta kitaran pewujudan pekerjaan berterusan serta menjana pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan pembangunan sosial.

Teras Keempat :

- 4) **MEMPERKUKUH INFRASTRUKTUR BAGI MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI**, Rakyat Malaysia akan mendapat akses kepada kemudahan asas dan dihubungkan melalui pengangkutan yang bersepadu serta Internet berkelajuan tinggi. Pelaburan juga akan ditumpukan kepada ketersambungan antara pelbagai mod pengangkutan, antara luar bandar dengan bandar, serta antara bandar. Ketersambungan merentasi wilayah: sebagai contoh yang paling jelas di Sarawak adalah melalui pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo yang akan dibina sepanjang 2,239 kilometer merentasi Sarawak, Kalimantan, Indonesia, Brunei dan juga Sabah. Projek ini akan dilaksanakan menerusi kaedah *Project Delivery Partner* (PDP) yang mana pembiayaan projek akan dibuat sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan melalui Dana Infra.

Adalah menjadi harapan, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak kelak akan menjadi jalan penghubung strategik serta memberi keselesaan perjalanan dan selamat kepada pengguna jalan raya di Sarawak. Projek ini juga disasarkan akan memberi impak bukan sahaja kepada ekonomi setempat, malah ia berupaya menggalakkan lagi pembangunan ekonomi di wilayah koridor Sarawak (SCORE) dengan adanya akses dan rangkaian jalan raya yang lebih efisien.

Selain itu, projek ini dijangka akan memberi kesan langsung kepada kepada penduduk negeri Sarawak melalui peluang-peluang dalam sektor pembinaan, mewujudkan peluang pekerjaan baru dan bertindak sebagai pemangkin kepada pusat-pusat pertumbuhan baru ekonomi.

Teras Ke Lima :

**5) MEREKAYASA PERTUMBUHAN EKONOMI UNTUK PENINGKATAN KEMAKMURAN** dengan memastikan pertumbuhan yang berkualiti dan daya saing di peringkat antarabangsa meningkat. Semua sektor ekonomi akan beralih kepada aktiviti berintensif pengetahuan, bernilai tambah tinggi serta berproduktiviti tinggi. Usaha ini adalah dengan mentransformasikan sektor perkhidmatan, mengiktiraf Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), hasil-hasil kraftangan penduduk luar bandar yang berkualiti dan halus buatan seninya sebagai tulang belakang ekonomi Malaysia dan meningkatkan eksport sektor perkhidmatan, pembuatan dan pertanian dengan tumpuan diberikan kepada peningkatan teknologi moden, keupayaan agropreneur dan akses kepada pasaran.

4. Semua ini hanya akan dapat direalisasikan sekiranya kebajikan dan kesejahteraan rakyat didahulukan. Menyedari keperluan ini, Kerajaan sekali lagi pada tahun 2016 telah menyediakan peruntukan berjumlah RM85.5 juta di bawah Program PBR khusus untuk seluruh negeri Sarawak dengan sasaran pelaksanaan membina baru dan membaik pulih 3,876 unit rumah.

5. Kementerian juga merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, khususnya kepada Pejabat Daerah Asajaya, Bahagian Samarahan atas kerjasama dalam membantu meneliti dan mengesahkan senarai nama penerima bantuan bagi menjayakan Program Bantuan Rumah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Jalinan kerjasama seumpama ini amatlah diperlukan kerana agensi di peringkat daerah dan negeri yang benar-benar mengenali dan memahami situasi sebenar penduduk kampung di luar bandar. Diharapkan agar kerjasama ini terus utuh terjalin untuk manfaat penduduk kampung di luar bandar. Semoga

tuan-tuan dan puan-puan bersyukur dan menghargai pemberian bantuan daripada kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri dan terus menyokong pucuk pimpinan beliau.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Kedatangan saya tidak akan sempurna tanpa membawa berita gembira untuk penduduk kampung. Sebelum hari program ini, saya telah dimaklumkan bahawa pada 28 Oktober 2015 tahun lalu, sebanyak 9 buah rumah di Kampung Asajaya Ulu ini telah terbakar. Dengan keprihatinan Yang Berhormat Puan Rubiah Haji Wang, Ahli Parlimen P.197 Kota Samarahan permohonan untuk membantu ke sembilan-sembilan keluarga ini untuk mendapat bantuan di bawah Program Bantuan Rumah dengan pembinaan 9 buah Bina Baru saya luluskan. Saya berharap dengan kelulusan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh tuan/puan untuk membina masa depan serta kehidupan yang lebih baik.

**Sekian, “Wabillahi taufiq walhidayah, Assalamu’alaikum Waramahtullahi Wabarakatuh” dan terima kasih.**